

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)  
Fax: 020 7262 8406  
Website: www.upp.org.uk  
Email: admin@upp.org.uk



اوپنیت فنونت ووتز بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
35 – 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

**SURAT PEMBERITAHUAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT  
BIL. 09/2018**

**KEPADA: SEMUA PENUNTUT-PENUNTUT TAHUN AKHIR IJAZAH PERTAMA  
YANG BELAJAR DI UNITED KINGDOM**

**“AUSTRALIA GOVERNMENT AWARDS ASEAN SCHOLARSHIP”**

Dengan hormat sukacita bersama ini diedarkan maklumat yang diterima daripada pihak Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam bertarikh 29 Mac 2018 mengenai perkara di atas.

Sehubungan dengan itu dimaklumkan bahawa Puan Yang Terutama, Pesuruhjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam menjemput warganegara ASEAN untuk mengikuti pengajian pascasiswazah (Master Level) yang akan bermula pada sesi pengajian tahun 2019 di salah sebuah institusi pendidikan kelas dunia di Australia.

Untuk makluman bahawa lima puluh anugerah biasiswa yang berprestij akan ditawarkan kepada warganegara ASEAN dan lima (5) anugerah biasiswa berkenaan diperuntukkan bagi warganegara Brunei Darussalam.

Bagi pemohon-pemohon yang berminat, sila rujuk maklumat dan risalah yang disertakan bersama ini dan dimaklumkan bahawa tarikh tutup permohonan ialah pada **30 April 2018**.

Untuk keterangan dan maklumat lanjut mengenai anugerah biasiswa kerajaan Australia ini bolehlah melayari laman web : [www.bruneidarussalam.embassy.gov.au](http://www.bruneidarussalam.embassy.gov.au)

Sekian untuk makluman dan perhatian penuntut-penuntut mengenainya.

Dengan hormat

Haji Mohd Shril bin Haji Matsawali  
Pemangku Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan : BSU E/5 Pt. X  
Tarikh : 22 Rejab 1439/09 April 2018  
/ayu